

# Ekonomi negara dijangka berkembang 5.8 peratus

BERITA HARIAN 19/4/18 M/s 26

➔ JP Morgan unjur saham sektor pembinaan, hartanah catat prestasi kukuh

Oleh Amir Hisyam Rasid  
bhbiz@nstp.com.my

tempatn serta asing.

Credit Suisse Group dan Australia & New Zealand Banking Group juga mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.8 peratus bagi Malaysia tahun ini.

Bank pelaburan tempatn membuat unjuran antara 5.2 peratus hingga 5.5 peratus, dengan MIDF Investment Bank dan Kenanga Investment Bank masing-masing mempunyai unjuran tertinggi 5.5 peratus.

JP Morgan, antara empat bank pelaburan terbesar di Amerika Syarikat (AS) berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang sejak beberapa suku tahunan terdahulu mengatasi unjuran konsensus, akan berterusan tahun ini.

"Ini sejajar dengan tesis pemuliharaan semula 'Green Shots' kami yang dibuat sejak awal 2017. Ringgit yang lebih kukuh adalah positif kepada

keuntungan korporat dan sentimen pengguna," katanya.

## Tahun peralihan pendapatan

Sementara itu, JP Morgan berkata, 2018 berkemungkinan menjadi tahun peralihan pendapatan, sebahagiannya dipacu oleh bank yang menguasai kira-kira 30 peratus permodalan pasaran keseluruhan.

Ia menjangkakan permintaan kredit meningkat pasca pilihan raya di Malaysia, yang akan memberikan rangsangan kepada pertumbuhan.

"Kami menjangkakan pertumbuhan pinjaman akan meningkat selepas pilihan raya. Kadar kelulusan pinjaman akan mula meningkat selepas menjadi stabil tahun lalu," katanya.

Berikutan itu, bank dijangka mengatasi prestasi indeks penanda aras FBM KLCI, kata JP Morgan. FBM KLCI setakat tahun ini mencatatkan pulangan keseluruhan 5.2 peratus.

Selain bank tempatn, JP Morgan berkata syarikat berkaitan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) masih lagi menjadi tumpuan serta diunjurkan mengatasi prestasi penanda aras pasaran saham tempatn sehingga tarikh pilihan raya 9 Mei ini.

Sime Darby Bhd adalah saham yang mencatatkan prestasi terbaik dalam kalangan syarikat berkaitan PNB, dengan pulangan lebih 25 peratus setakat tahun ini, atau kenaikan permodalan pasaran melebihi RM3.6 bilion.

Ini diikuti oleh UMW Holdings Bhd (16 peratus) dan CCM Duopharma Biotech Bhd (15 peratus).

Bagi FGV, JP Morgan berkata, syarikat perladangan itu akan terus menjadi tumpuan menjelang pilihan raya memandangkan jumlah peneroka FELDA yang besar di beberapa parlimen pen-

ting dengan 55 kerusi, yang mana 48 daripadanya di bawah Barisan Nasional (BN).

## Permintaan hartanah meningkat

Jika keputusan pilihan raya nanti patu jangkakan pasaran, JP Morgan menjangkakan saham sektor pembinaan dan hartanah akan mencatatkan prestasi kukuh.

"Sektor pembinaan dilihat positif dengan kontrak projek infrastruktur berapada RM258 bilion. Pemerhatian kami menunjukkan terdapat peningkatan permintaan bagi hartanah pasca pilihan raya," katanya.

Saham pilihan utama JP Morgan bagi Malaysia termasuk CIMB Group Holdings Bhd, SP Setia Bhd, Gamuda Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan Dialog Group Bhd.